

Tarikh Dibaca: 03 NOV 2017M | 13 SAFAR 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MEMAKMURKAN RUMAH ALLAH,
BUKTI KEIMANAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR




SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 3. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Pensyarah, Universiti Selangor**
- 4. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 5. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 6. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 9. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 10. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



“MEMAKMURKAN RUMAH ALLAH, BUKTI KEIMANAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فِي بُيُوتِ أَذْنِ اللَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ
فِيهَا أَسْمُهُ وَيُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ¹ 
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya serta meninggalkan segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“MEMAKMURKAN RUMAH ALLAH, BUKTI KEIMANAN”**.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

¹ An-Nur 24 : 36



Masjid menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dan menyuburkan ukhuwah dalam kalangan umat Islam. Masjid bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang pernah membentuk para sahabat menjadi pendakwah yang mampu menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat sekitar yang menerima Islam. Sesungguhnya masjid adalah lambang perpaduan ummah dan mempunyai martabat yang tinggi di sisi Allah SWT. Ia dibangunkan di atas dasar takwa sebagaimana firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 108:

... لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ
تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُطَهَّرِينَ

“...Sesungguhnya Masjid yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang di dalamnya. Di dalam Masjid itu ada lelaki-lelaki yang suka menyucikan dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri”.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Masjid mesti berperanan dengan lebih berkesan bagi memberi gambaran sebenar tentang kesyumulan Islam. Ia wajib dimakmurkan oleh setiap ahli kariah sesuai dengan kedudukannya sebagai rumah Allah. Justeru masjid perlu dibersihkan, diperindah dan disayangi serta dijaga dengan baik. Inilah yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadis daripada Aisyah R.Anha:



أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّوْرِ وَأَنْ تُنْظَفَ وَتُطَيَّبَ.

"Rasulullah SAW menyuruh membina masjid-masjid di kawasan penempatan dan menyuruh supaya masjid-masjid itu sentiasa dibersihkan dan diharumkan".

(Riwayat Abu Daud).

Hadirin sekalian,

Masjid yang menjadi ruang ibadah khusus masyarakat Islam sewajarnya dijadikan sebagai zon selesa untuk semua yang bebas daripada unsur-unsur yang boleh memecah-belah perpaduan. Masjid juga perlu mampu menarik masyarakat bukan muslim untuk mendekati Islam sekaligus dapat mengikis tanggapan salah yang sering diperkatakan.

Selain itu, pelbagai aktiviti dan program yang boleh menarik minat ahli kariah seperti program-program harian dan bulanan yang melibatkan kuliah pengajian, ceramah dan tazkirah perlu diberi nafas baru agar benar-benar dapat menyalurkan ilmu dan mendidik masyarakat. Pihak-pihak berkuasa tempatan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga dialu-alukan untuk mengadakan sebarang program yang melibatkan ahli kariah.

Para hadirin yang dikasihi,

Sebenarnya kejayaan pengimarahannya sesebuah masjid adalah bertitik tolak daripada kefahaman umat Islam sendiri tentang ajaran Islam dan tahap keimanan mereka. Firman Allah SWT dalam surah Al-Taubah ayat 18:



إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya hanya yang mengimarahkan masjid-masjid Allah adalah orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat sedang dia tidak gentar selain kepada Allah. Maka mereka inilah yang diharapkan menjadi dari kalangan mereka yang mendapat petunjuk".

Diriwayatkan Abu Said al-Khudri R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ
بِالْإِيمَانِ

"Apabila kamu melihat seorang lelaki yang sentiasa berulang ke masjid, maka saksikanlah, bahawa ia benar-benar beriman".

(Riwayat at-Tirmizi).

Lantaran itu, kerjasama di antara setiap ahli kariah perlu dijana untuk menjayakan setiap program dan aktiviti secara berkesan demi menyemarakkan syiar Islam. Bukan sekadar hadir menonton sahaja malah turut serta memberikan sumbangan idea dan tenaga. Rasa bersama dan kesediaan bekerjasama akan membentuk perpaduan dan kesatuan hati umat Islam setempat.

Konsep masjid sentiasa di hati sepatutnya menjadi budaya dan amalan setiap ahli kariah agar masjid sentiasa dikunjungi kerana



sesungguhnya setiap langkah menuju ke masjid akan mendapat ganjaran yang besar disisi Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang berwuduk di rumahnya kemudian pergi ke rumah Allah untuk menunaikan kewajipan solat, maka setiap langkahnya yang sebelah menghapuskan dosa dan yang sebelah lagi meninggikan darjat".

(Riwayat Muslim).

Usahlah dibiarkan masjid-masjid yang tersergam indah sepi tanpa kunjungan. Dengan semua usaha ini kita yakin institusi masjid akan kembali meriah sepertimana yang pernah terjadi di zaman kegemilangan Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW 1400 yang lalu.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, mimbar menyeru kepada seluruh umat Islam supaya:

1. Umat Islam hendaklah mengimarahkan masjid sebagai bukti keimanan kepada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah hadir dan melibatkan diri dalam setiap program yang dianjurkan di masjid-masjid.
3. Umat Islam hendaklah menjaga kehormatan masjid dan menunaikan hak-haknya dengan menjaga kebersihan dan keceriaan satu tempat untuk mengukuh ukhwah Islamiah.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا
بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
مِنْ قَبْلُ وَلِيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَ^صيَ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ
لَكَاذِبُونَ

“Dan orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan dan (menguatkan) keingkaran (serta memecah-belahkan perpaduan orang-orang yang beriman, dan juga dijadikan tempat intipan bagi orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sebelum itu. Dan mereka bersumpah dengan berkata:” “Tdaklah Yang Kami kehendaki (dengan mendirikan Masjid ini) melainkan untuk kebaikan semata-mata, padahal Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya mereka adalah pendusta.”

(at-Taubah : 107).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Rohaili/Nurul

23.10.2017



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ،
وَالكُفْرَ وَالْكَافِرِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالْيَهُودَ فِي
فَلَسْطِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي بОРМА، وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي
سُورِيَا وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ
تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز
شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدٍ سَلَاعُورُ،
تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادریس
شَاهِ الْحَاجِّ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا
مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
